



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1990

---

ELAUN LEBIHMASA BAGI PEMANDU KHAS  
KEPADA PEGAWAI TINGKATAN TERTINGGI "C"  
DAN KE ATAS DAN YANG SETARAF

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan bayaran Elaun Lebihmasa bagi pemandu khas kepada pegawai Tingkatan Tertinggi "C" dan ke atas dan yang setaraf dengannya.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Mengikut **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1989**, Pegawai Tingkatan Tertinggi "C" dan ke atas dan yang setaraf adalah layak dibekalkan

dengan kereta khas yang mana boleh digunakan untuk tujuan rasmi dan juga persendirian. Untuk memandu kereta tersebut pula, Pegawai Tingkatan Tertinggi "A" dan ke atas dan yang setaraf adalah layak dibekalkan dengan seorang pemandu, manakala pegawai-pegawai lain, iaitu Tingkatan Tertinggi "C" dan Tingkatan Tertinggi "B", layak menuntut Elaun Bantuan Gaji Drebar sekiranya mereka menggaji seorang pemandu berlesen secara sepenuh masa.

2.2 Mengikut peraturan sekarang, pemandu khas kepada pegawai-pegawai di atas adalah layak menuntut elaun lebihmasa sekiranya diarah menjalankan tugas-tugas memandu di luar waktu pejabat atau waktu bertugas yang telah ditetapkan kepadanya tertakluk kepada syarat bahawa tugas-tugas tersebut adalah bagi melaksanakan tugas rasmi pegawainya dan juga jumlah elaun lebihmasa yang dituntut tidak melebihi 1/3 daripada gaji bulanannya. Elaun lebihmasa yang melebihi had tersebut hanya boleh diluluskan apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977](#).

### **3. PERATURAN BARU**

3.1 Atas kepentingan perkhidmatan, Kerajaan telah bersetuju mengkaji semula peraturan-peraturan di atas dan seterusnya menetapkan satu peraturan baru mengenai elaun lebihmasa bagi pemandu khas kepada Pegawai Tingkatan

Tertinggi "C" dan ke atas dan yang setaraf dengannya. Di bawah peraturan baru ini pemandu berkenaan adalah dibenarkan menuntut elaun lebihmasa sekiranya diarah menjalankan tugas-tugas memandu di luar waktu pejabat atau waktu bertugas yang telah ditetapkan kepadanya tertakluk kepada syarat bahawa tuntutan tersebut hendaklah disahkan oleh pegawainya. Tuntutan yang melebihi 1/3 daripada gaji bulanan pemandu berkenaan hendaklah juga disahkan oleh pegawainya. Dengan adanya peraturan-peraturan baru ini maka syarat-syarat yang ditetapkan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977](#) adalah tidak terpakai bagi pemandu khas berkenaan.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari 1 Oktober 1990.

#### **5. PEMAKAIAN**

5.1 Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada pemandu khas dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan atas kadar dan syarat yang sama.



(DATO' MAHMUD BIN TAIB)  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

5 November 1990.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s. k:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan